

FORUM KESIHATAN BERITA HARIAN

Rahsia dan hikmah di sebalik wabak Mers

BAGI umat Islam yang ingin menunaikan umrah atau haji, persediaan rapi terhadap tahap kesihatan yang tinggi amat diutamakan, apakah lagi ketika Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers) melanda Arab Saudi.

Apakah yang boleh dilakukan jemaah bagi menghadapi wabak penyakit itu semasa mereka berhimpun di tempat yang sesak seperti di Makkah?

Pengurus Darul Huffaz, Ustaz Dr Firdaus Yahya, yang akan memberikan pandangannya daripada perspektif Islam tentang Mers dalam *Forum Kesihatan Berita Harian* berbantahan:

“Dalam forum ini, saya akan menjelaskan apakah rahsia dan hikmah serta pelajaran yang boleh diambil daripada Mers.

“Setiap sesuatu yang Allah tetapkan ada rahsianya, hikmahnnya dan pelajarannya.”

Ustaz Dr Firdaus merupakan lulusan sarjana dalam bidang Al-Quran dan Sunah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau pernah bekerja dengan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) sebagai Pegawai Eksekutif di Pejabat Mufti.

Dalam forum kesihatan yang diadakan pada 21 Jun ini, peserta boleh mengemukakan pelbagai soalan tentang Mers dari sudut pandangan Islam kepada Ustaz Dr Firdaus.

Ustaz Dr Firdaus akan turut menyentuh tentang langkah pengawasan yang boleh diambil je-



USTAZ DR FIRDAUS YAHYA:

Dijangka menyentuh tentang langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil jemaah yang ke tanah suci.

maah yang hendak pergi ke tanah suci.

Beliau juga dijangka berkongsi panduan yang diberikan Nabi Muhammad *saw* dalam isu menjaga kesihatan.

Selain Ustaz Dr Firdaus, *Berita Harian* mengundang dua lagi penceramah.

Antara penceramah itu ialah pakar penyakit berjangkit daripada Novena Medical Specialists, Dr Koh Yin Ling.

Dr Koh mempunyai pengala-

DAFTAR SEKARANG, TEMPAT TERHAD

Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers): Pencegahan dan Pengawasan

Tarikh: Sabtu, 21 Jun

Masa: 10.30 pagi hingga 2 petang
Tempat: Auditorium SPH di Toa Payoh North (berhampiran MRT Braddell)

Masuk: Percuma tetapi perlu mendaftar

Pendaftaran: Kirimkan e-mel kepada bhpromo@sph.com.sg (sila sertakan nama dan nombor telefon dan subjek: Pendaftaran Mers)

man luas dalam mengendali kes Mers dan Sindrom Sesak Nafas Mendadak (Sars).

Seorang lagi penceramah, Dr Faizal Kassim – seorang doktor kecemasan dalam bidang perubatan evakuasi – akan berkongsi mengenai tanda-tanda serangan virus flu biasa dan virus flu rumit.

Pakar jantung daripada Hospital Raffles, Dr Abdul Razakjir Omar – panelis dalam sesi soal jawab – akan berkongsi pengalamannya ketika menjadi pegawai perubatan semasa di Makkah.

Forum kesihatan bertajuk *Mers: Pencegahan dan Pengawasan* itu akan diadakan di Auditorium SPH di Toa Payoh North.

Mereka yang berminat boleh mendaftar melalui e-mel bhpromo@sph.com.sg.